



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Kaki scam kaut RM137.7 juta, jenayah siber di Selangor
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 16 September 2021
Language: Malay
Section: Lokal
Page: 26

JENAYAH SIBER DI SELANGOR

Kaki scam kaut RM137.7 juta

Oleh Ruwaida Md Zain
am@metro.com.my

Shah Alam

Sikap tamak individu selain tidak tahu cara bagaimana mahu mengelak daripada menjadi mangsa penipuan jenayah siber menyebabkan sindiket jenayah itu mengaut keuntungan sehingga RM137.7 juta sepanjang tahun lalu.

Kerugian itu membabitkan 2,716 kes jenayah siber yang direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Selangor.

Lebih membimbangkan, sepanjang Januari hingga Ogos tahun ini pula, polis Selangor sudah merekodkan 2,307 kes jenayah siber babit kerugian RM67.8 juta.

Timbalan Ketua Jabatan

Siasatan Jenayah Komersil (Jenayah Pemalsuan/Pelaburan Bersindiket/Siber) Superintendan Raduan Othman berkata, jenayah siber yang dilaporkan ini membabitkan empat kesalahan iaitu jenayah telekomunikasi, *e-financial fraud*, *love scam* dan e-dagang (belian dalam talian).

"Pecahan menunjukkan, 978 kes jenayah telekomunikasi babit RM96.27 juta kerugian dilaporkan sepanjang tahun lalu.

"Bagi *e-financial fraud*, polis merekodkan 66 kes bagi tempoh sama membabitkan kerugian RM8.46 juta.

"Bagi *love scam* pula, kami merekodkan 223 kes dengan jumlah kerugian RM16.4 juta manakala bagi e-dagang, ia membabitkan 755 kes dengan jumlah kerugian RM7.5

juta," katanya pada program Bual Bicara bertajuk 'Penipuan Jenayah Siber' menerusi Facebook rasmi polis Selangor, kelmarin.

Turut hadir Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor Senior Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal.

Menurut Raduan, jenayah siber bermula sekitar 1990-an dan ia semakin meningkat saban tahun.

Raduan berkata, sikap tamak segelintir mangsa juga membuka ruang kepada penjenayah siber untuk terus melakukan penipuan demi penipuan.

"Ada juga tidak mahu buat laporan polis kerana malu selain jumlah kerugian dianggap kecil," katanya.

Beliau berkata, antara faktor lain yang menjadi punca



Sikap tamak segelintir mangsa juga membuka ruang kepada penjenayah siber untuk terus melakukan penipuan demi penipuan"

Raduan

jenayah ini apabila terdapat pihak yang mengambil kesempatan dengan mencipta laman web perbankan.

"Ia dilakukan oleh penjenayah siber dengan menggunakan taktik *phishing*. Antaranya dengan menghasilkan laman web palsu yang menyerupai laman web per-

bankan sebenar.

"Pegguna yang tertipu akan memasukkan kata luan di laman web palsu ini dan semua maklumat ini akan diperoleh oleh penjenayah siber," katanya.

Menurut beliau, ada pula mangsa yang sering menjadi sasaran penjenayah siber kerana mereka tidak mengetahui cara-cara untuk mengelakkan diri daripada ancaman jenayah siber.

Raduan mengingatkan masyarakat supaya sentiasa berwaspada dan bertindak bijak dalam menggunakan segala kemudahan teknologi yang ada hari ini.

"Berhati-hati apabila menerima panggilan daripada mana-mana pihak yang meminta membuat bayaran atau pindahan wang.

"Jangan hubungi semula nombor telefon yang anda terima sebaliknya dapatkan nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi berkaitan untuk pengesahan lanjut," katanya.

Pada masa sama, beliau meminta orang ramai supaya tidak mudah percaya dengan tawaran pembelian pada harga tidak munasabah.

"Jangan dedahkan butiran peribadi seperti nombor akaun bank kepada individu tidak dikenali," katanya.

Orang ramai boleh melayari portal dan Facebook rasmi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan maklumat serta nasihat berkaitan jenayah siber serta penipuan kewangan.